



MAJLIS DAERAH MACHANG

PANDUAN URUSAN PEMBELIAN & PENYERAHAN DOKUMEN "REQUEST FOR PROPOSAL (RFP)"

[NO.RFP:KN/RFP/01/2024]

CADANGAN PEMBANGUNAN TAPAK PASAR BESAR MACHANG MUKIM BANDAR MACHANG, JAJAHAN MACHANG, KELANTAN.

A. TUJUAN

1. Majlis Daerah Machang ingin mempelawa cadangan daripada Syarikat Pembida yang berkemampuan dan berpengalaman untuk membangunkan sebuah tapak besar bernama **Tapak Pasar Besar Machang Mukim Bandar Machang, Jajahan Machang, Kelantan.**
2. Bagi memastikan kelancaran proses-proses pembangunan kelak, Syarikat Pembida dikehendaki untuk memahami kehendak dan keperluan syarat pembangunan oleh Majlis Daerah Machang.
3. Sepanjang tempoh pelaksanaan, Syarikat Pembida yang berjaya perlu bekerjasama dengan pelbagai pihak meliputi Jabatan dan Agensi Kerajaan yang berkaitan.

SYARAT-SYARAT & LANGKAH-LANGKAH PEMBELIAN DOKUMEN RFP:

1. Dokumen "Request for Proposal" (RFP) ini dibuka untuk jualan **BERMULA 1 SEPTEMBER 2024 (AHAD) SEHINGGA 30 SEPTEMBER 2024 (ISNIN)** sahaja.
2. Syarikat Pembida **DIWAJIBKAN** menghadiri satu sesi taklimat yang telah ditetapkan oleh Urus Setia MAJLIS DAERAH MACHANG iaitu pada **15 OGOS 2024 (KHAMIS)**. **Sekiranya** Syarikat Pembida menghadiri sesi taklimat yang dijadualkan, maka Syarikat pembida diminta untuk mengisi **Borang Pendaftaran Sesi Taklimat di Pautan Google Forms** sepertimana berikut: <https://forms.gle/U4nzVWrPcuDY5GFx8>
3. RFP ini dibuka kepada mana-mana Syarikat Pembida yang berkemampuan dan memenuhi syarat sebagaimana berikut:
 - i. Mempunyai Modal Berbayar sekurang-kurangnya RM1,000,000 (Ringgit Malaysia Satu Juta Sahaja).
 - ii. Mengemukakan ringkasan penyata kewangan terkini (3 tahun).
 - iii. Kertas Cadangan Projek.
 - iv. Lain-lain maklumat / dokumen yang boleh menyokong permohonan. (**RUJUK LAMPIRAN 1: Senarai Semak Dokumen-Dokumen yang Perlu Dikemukakan**)
 - v. Terbuka kepada syarikat tempatan dan asing yang berpengalaman.
 - vi. Mestilah sebuah syarikat yang berdaftar di Malaysia dan mempunyai pendaftaran yang dikemaskini mengikut tataurus Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).
 - vii. Syarikat Asing yang berminat dikehendaki mengemukakan surat daripada Kedutaan masing-masing di Malaysia yang mengesahkan ianya adalah syarikat *Bona Fide*.
 - viii. Membeli Dokumen RFP yang telah disediakan dengan harga **RM500.00** dan Bayaran Proses RFP berjumlah **RM 3,000.00**.
 - ix. Mengemukakan kertas cadangan projek yang lengkap dalam tempoh yang ditetapkan.
 - x. Memahami terma dan syarat yang dinyatakan.

4. Syarikat Pembida yang berminat hendaklah membeli Dokumen RFP yang telah disediakan dan membuat pembayaran sepertimana berikut:

BAYARAN
<ul style="list-style-type: none">• Bayaran ini boleh dibuat dengan mengemukakan Cek Jurubank / Bank Draf. Cek Peribadi dan Cek Syarikat tidak akan diterima.• Bayaran ini TIDAK AKAN DIKEMBALIKAN.
PEMBELIAN DOKUMEN RFP: RM500.00
<ul style="list-style-type: none">➤ Cek Jurubank/Bank Draf di atas nama: 'YANG DIPERTUA MAJLIS DAERAH MACHANG (MDM)➤ Pembayaran boleh dibuat kepada: 'YANG DIPERTUA MAJLIS DAERAH MACHANG (MDM) Majlis Daerah Machang Jalan Tok Kemuning, 18500 Machang, Kelantan Darul Naim.➤ Resit pembelian Dokumen RFP tersebut hendaklah dikemukakan kepada MAJLIS DAERAH MACHANG bagi mendapatkan satu (1) naskah Dokumen RFP.
BAYARAN PROSES RFP: RM3,000.00
<ul style="list-style-type: none">➤ Cek Jurubank / Bank Draf di atas nama:➤ Pembayaran boleh dibuat kepada: BAHAGIAN URUSETIA JAWATANKUASA PELABURAN MAJLIS DAERAH MACHANG

5. Kertas Cadangan Projek yang dikemukakan tanpa melalui pembelian Dokumen RFP yang sah **TIDAK AKAN DITERIMA**.
6. **Tarikh Akhir Penghantaran Kertas Cadangan Projek beserta dokumen lengkap** adalah pada **28 NOVEMBER 2024 (KHAMIS), JAM 12:00 TENGAHARI**.Kertas cadangan projek yang dihantar selepas tarikh akhir tersebut **TIDAK AKAN DITERIMA**.
7. Penyerahan kertas cadangan dan dokumen lengkap projek RFP tersebut hendaklah diletakkan di dalam sampul surat yang tertutup, ditandakan dengan jelas di **sudut kanan sebelah atas sampul surat dengan perkataan:"NO.RFP:KN/RFP/01/2024 - CADANGAN PEMBANGUNAN TAPAK PASAR BESAR MACHANG MUKIM BANDAR MACHANG, JAJAHAN MACHANG, KELANTAN."**
8. **Satu (1) salinan softcopy dan dua (2) salinan hardcopy KERTAS CADANGAN PROJEK BESERTA DOKUMEN YANG LENGKAP** hendaklah dihantar ke alamat berikut:

BAHAGIAN URUSETIA JAWATANKUASA PELABURAN

MAJLIS DAERAH MACHANG

Jalan Tok Kemuning,

18500 Machang,

KELANTAN

WAKTU URUSAN (HARI BERKERJA SAHAJA)	
Ahad Hingga Rabu	8:00 Pagi Hingga 5:00 Petang
Khamis	8:00 Pagi Hingga 3:30 Petang
Waktu Rehat	1:00 T/hari Hingga 2:00 Petang
Tutup	Jumaat, Sabtu dan Cuti Umum

9. Sebarang tawaran yang berbentuk **RASUAH** atau lain-lain dorongan yang boleh mempengaruhi kedudukan permohonan yang dibuat oleh Syarikat Pembida atau mana-mana wakil atau proksi syarikat pembida bagi maksud tersebut akan menyebabkan kertas Cadangan projek tersebut akan ditolak serta-merta.

C. TERMA RUJUKAN

- i. Kertas Cadangan Projek hendaklah dibuat dalam **Bahasa Melayu** dan ditaip pada **Kertas A4 (8.A4 (8.27"x 11.69"))**.
- ii. Setiap bahagian cadangan projek mestilah bermula pada halaman baru dan setiap halaman diletakkan nombor mengikut urutan susunan yang betul termasuk Pengenalan Pembida Projek.
- iii. Kertas Cadangan Projek hendaklah ditandatangani oleh seorang Pegawai Tertinggi atau Pemegang Saham Utama bagi pihak organisasi yang mengemukakan cadangan projek tersebut sepertimana di **LAMPIRAN 2 (Company Profile Form)** dan **LAMPIRAN 3 (Company Declaration Form)**.
- iv. Syarikat Pembida Projek perlu **menandatangani Borang Pengisytiharan "Integrity Pact" Pembida di LAMPIRAN 4 dan Borang Pengisytiharan "Integrity Pact" Perunding di LAMPIRAN 5** serta memahami **Klausa Pencegahan Rasuah dalam Dokumen Perolehan Kerajaan** seperti di **LAMPIRAN 6**.
- v. Sebarang cadangan untuk ciri atau alternatif tambahan dalam rangka kerja umum yang dinyatakan adalah dialu-alukan.
- vi. Syarikat Pembida Projek yang menyertai RFP ini sama ada boleh mengemukakan cadangan sendiri atau dengan kerjasama orang lain atau gabungan konsortium. Walau bagaimanapun, peranan dan tanggungjawab setiap syarikat mestilah dinyatakan dengan jelas.
- vii. Tiada pindaan boleh dibuat kepada cadangan projek selepas penyerahan.
- viii. Kerajaan Negeri mempunyai budi bicara mutlak untuk menerima atau menolak cadangan projek yang dikemukakan dan tidak diwajibkan dalam apa cara untuk memberi projek kepada mana-mana orang dan/atau syarikat yang mengemukakan cadangan projek tersebut. Majlis Daerah Machang (MDM) tidak perlu memberikan alasan apa pun terhadap penolakan cadangan projek yang dikemukakan.
- ix. Selepas penerbitan RFP, maklumat berkaitan dengan kandungan, pemeriksaan, penilaian dan perbandingan cadangan projek RFP dan pemberian kontrak tidak akan didedahkan kepada responden atau orang lain yang tidak secara rasmi terlibat dengan proses RFP tersebut.
- x. Semua penyerahan adalah sah selama tempoh **ENAM (6) BULAN** dari tarikh tutup tawaran RFP ini, tetapi Majlis Daerah Machang (MDM) berhak melanjutkan tempoh sah enam (6) bulan tambahan dengan memberi notis kepada responden.

- xi. Hanya status syarikat yang disenarai pendek dan / atau yang berjaya dalam RFP ini sahaja yang akan dimaklumkan dan dikehendaki membentangkan cadangan projek RFP tersebut. Tidak akan ada pemberitahuan status kepada syarikat yang tidak berjaya.
- xii. Kerajaan tidak diwajibkan memaklumkan atau memberi butiran-butiran mengenai proses pemilihan kepada Syarikat Pembida Projek yang berjaya atau tidak berjaya.
- xiii. Syarikat Pembida Projek yang berjaya dikehendaki menandatangani Perjanjian Rasmi dengan Majlis Daerah Machang (MDM). Majlis Daerah Machang (MDM) mempunyai hak untuk menentukan mana-mana Pihak Berkuasa/Agensi yang akan ditugaskan sebagai pihak atau wakil untuk tujuan menandatangani perjanjian tersebut.
- xiv. Kegagalan Syarikat Pembida Projek yang berjaya untuk mematuhi keperluan yang ditetapkan, akan menjadi alasan yang mencukupi untuk pembatalan perjanjian projek tersebut.
- xv. Syarikat Pembida Projek yang berjaya dikehendaki dalam tempoh **EMPAT BELAS (14) HARI** dari tarikh Surat Anugerah (LOA) memberikan suatu Bon pelaksanaan dalam bentuk Jaminan Bank kepada jumlah yang bersamaan dengan lima peratus (5%) dari keseluruhan Kos Projek yang dikeluarkan oleh bank berlesen yang beroperasi di Malaysia.
- xvi. Jaminan Bank hendaklah disimpan sah dari tarikh terbitan RFP sehingga tidak lebih awal daripada tiga (3) bulan selepas penyiapan projek. Sekiranya Syarikat Pembida Projek gagal menyiapkan projek dalam tempoh yang ditetapkan, Jaminan Bank akan dilucutkan. Jaminan Bank juga akan dilucutkan jika Syarikat Pembida Projek menarik balik cadangan semasa tempoh sah atau sebarang pindaannya dan akan menjadi hasil Majlis Daerah Machang (MDM).
- xvii. Selepas penerbitan RFP, maklumat berkaitan dengan kandungan, pemeriksaan, penilaian dan perbandingan cadangan projek RFP dan pemberian kontrak tidak akan didedahkan kepada responden atau orang lain yang tidak secara rasmi terlibat dengan proses RFP tersebut.
- xviii. Majlis Daerah Machang (MDM) pada setiap masa mempunyai hak untuk mengubah dari semasa ke semasa spesifikasi dan keterangan yang disebut dalam RFP dan mestilah dipatuhi oleh Pembida. Sekiranya sebarang pindaan kepada RFP ini, semua pemohon akan diberitahu dengan sewajarnya secara bersurat.
- xix. Hendaklah dipersetujui dan difahami bahawa sekiranya rundingan ini gagal dan tiada sebarang perjanjian ditandatangani, maka tiada tindakan yang akan diambil oleh pihak Majlis Daerah Machang terhadap syarikat dan sebaliknya walau apa jua perkara yang timbul.

- xx. Walaupun tindakan yang teliti telah diambil untuk memastikan bahawa fakta dan maklumat yang terkandung dalam RFP ini adalah betul pada masa ia di keluarkan, Majlis Daerah Machang tidak akan bertanggungjawab terhadap apa-apa ketidak tepatan atau kekurangan fakta dan maklumat berkaitan projek ini jika ada.
- xxi. Sebarang pertanyaan lanjut berkaitan RFP ini boleh menghubungi Pegawai berikut:

En.Muhammad Fakrul Aiman bin Zulkipili (09-7481957 samb.1012)

Nur Hazwani Binti Ahmed (09-7481957 samb.1013)

Disediakan oleh:

**MAJLIS DAERAH MACHANG,
URUSETIA JAWATANKUASA PELABURAN DAN PROJEK KHAS MAJLIS DAERAH
MACHANG**

-Terima Kasih-



MAJLIS DAERAH MACHANG

PELAWAAN UNTUK MENGENALKAN CADANGAN "REQUEST FOR PROPOSAL (RFP)"

NO.RFP:KN RFP/02/2024

CADANGAN PEMBANGUNAN TAPAK PASAR BESAR MACHANG MUKIM BANDAR BANDAR MACHANG, JAJAHAN MACHANG, KELANTAN.

Dibuka kepada mana-mana Syarikat Pembida yang berkemampuan dan memenuhi syarat yang ditetapkan.

PENJUALAN & SERAHAN DOKUMEN RFP	PEMBAYARAN DOKUMEN RFP	TAKLIMAT RFP
<p><u>TARIKH JUALAN DOKUMEN:</u> 1 SEPT 2024 (AHAD)-30 SEPT 2024 (ISNIN)</p> <p><u>TARIKH SERAHAN KERTAS RFP:</u> 23 NOV 2024 (KHAMIS), 12.00 TENGAH HARI</p> <p><u>DI ALAMAT</u> <i>BAHAGIAN URUSETIA JAWATANKUASA PELABURAN</i></p> <p><u>WAKTU URUSAN (HARI BEKERJA SAHAJA):</u> Ahad — Rabu [8:00 pg — 5:00 ptg] Khamis [8:00 pg - 3:30 ptg] Waktu Rehat [1:00 ptg - 2:00 ptg] Tutup [Jumaat, Sabtu & Cuti Umum]</p>	<p><u>PEMBELIAN DOKUMEN RFP: RM 500.00 (TIDAK DIPULANGKAN)</u></p> <p>Cek Jurubank / Bank Draf di atas nama Yang Dipertua Majlis Daerah Machang (MDM)</p> <p><u>PEMBAYARAN BOLEH DIBUAT DI:</u> <i>MAJLIS DAERAH MACHANG Jalan Tok Kemuning, 18500 Machang, KELANTAN</i></p> <p>➤ Resit pembelian Dokumen RFP tersebut hendaklah dikemukakan kepada MAJLIS DAERAH MACHANG bagi mendapatkan satu (1) naskah Dokumen RFP.</p> <p><u>BAYARAN PROSES RFP: RM 3 000.00 (TIDAK DIPULANGKAN)</u></p> <p>➤ Cek Jurubank / Bank Draf di atas nama 'Yang Dipertua Majlis Daerah Machang (MDM)'.</p> <p><u>PEMBAYARAN BOLEH DIBUAT DI:</u> <i>BAHAGIAN KEWANGAN MDM</i></p> <p>➤ Resit bayaran proses tersebut hendaklah dikemukakan kepada MAJLIS DAERAH MACHANG.</p>	<p><u>SESI TAKLIMAT RFP:</u> 15 OGOS 2024 (KHAMIS) (Masa dan tempat taklimat akan dimaklumkan kemudian)</p> <p>➤ Syarikat Pembida DIWAJIBKAN menghadiri satu sesi taklimat yang telah ditetapkan oleh Urus Setia MAJLIS DAERAH MACHANG.</p> <p>➤ Sekiranya Syarikat Pembida tidak menghadiri sesi taklimat yang dijadualkan, maka cadangan syarikat berkenaan tidak akan dipertimbangkan.</p> <p>➤ Syarikat pembida diminta untuk mengisi Borang Pendaftaran Sesi Taklimat di Pautan Google Forms berikut:</p> <p>https://forms.gle/U4nzVWrPcuDY5GFx8</p>



MAJLIS DAERAH MACHANG

PELAWAAN UNTUK MENGEMUKAKAN CADANGAN "REQUEST FOR PROPOSAL (RFP)"

NO.RFP: KN/RFP/02/2024

CADANGAN PEMBANGUNAN TAPAK PASAR BESAR MACHANG MUKIM BANDAR MACHANG, JAJAHAN MACHANG,
KELANTAN.

1. Syarat umum syarikat pemohon adalah sebagaimana berikut:
 - i Mempunyai Modal Berbayar sekurang-kurangnya RM1,000,000.00. (Ringgit Malaysia Satu Juta Sahaja).
 - ii Mengemukakan ringkasan penyata kewangan terkini (3 tahun).
 - iii Kertas Cadangan Projek.
 - iv Lain-lain maklumat / dokumen yang boleh menyokong permohonan.
(RUJUK LAMPIRAN 1: Senarai Semak Dokumen.Dokumen yang Perlu Dikemukakan)
 - v Terbuka kepada syarikat tempatan dan asing yang berpengalaman.
 - vi Mestilah sebuah syarikat yang berdaftar di Malaysia dan mempunyai pendaftaran yang dikemaskini mengikut tataurus Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).
 - vii Syarikat Asing yang berminat dikehendaki mengemukakan surat daripada Kedutaan masing-masing di Malaysia yang mengesahkan ianya adalah syarikat Bona Fide.
 - viii Membeli Dokumen RFP yang telah disediakan dengan harga RM500.00 dan Bayaran Proses RFP berjumlah RM 3,000.00.
 - ix Mengemukakan kertas cadangan projek yang lengkap dalam tempoh yang ditetapkan.
 - x Memahami terma dan syarat yang dinyatakan di dalam **DOKUMEN PANDUAN URUSAN PEMBELIAN & PENYERAHAN DOKUMEN "REQUEST FOR PROPOSAL (RFP)"** sebagaimana di **LAMPIRAN**.
2. Dokumen RFP hanya akan dijual pada tempoh waktu yang ditetapkan sahaja. Sebarang permintaan pembelian dokumen RFP sebelum/selepas dari tarikh yang tertera **TIDAK AKAN DILAYAN**.
3. Sebarang pertanyaan mengenai RFP boleh diajukan kepada **MAJLIS DAERAH MACHANG** di talian 09-9751076 samb. 1013/1018 (pada waktu pejabat sahaja) atau e-mel kepada mdm@kelantan.gov.my. dalam tempoh jualan dokumen RFP.
4. Maklumat iklan ini juga boleh dilayari dilaman sesawang mdm@kelantan.gov.my.



MAJLIS DAERAH MACHANG

[NO.RFP: KN/RFP/01/2024 - ()]
CADANGAN PEMBANGUNAN TAPAK PASAR BESAR MACHANG MUKIM BANDAR
MACHANG, JAJAHAN MACHANG, KELANTAN.

SENARAI SEMAK DOKUMEN-DOKUMEN YANG PERLU DIKEMUKAKAN:

[Sila kepilkan helaian ini bersama kertas cadangan projek yang dihantar]

- | | |
|--|--------------------------|
| 1. Kertas Cadangan Projek (2 salinan 'hardcopy') | <input type="checkbox"/> |
| 2. Kertas Cadangan Projek (1 salinan 'softcopy') | <input type="checkbox"/> |
| 3. Profil Syarikat | <input type="checkbox"/> |
| 4. M & A Syarikat / Pendaftaran & Undang-undang Pertubuhan | <input type="checkbox"/> |
| 5. Borang 24 (Maklumat Pemegang Saham) | <input type="checkbox"/> |
| 6. Borang 49 (Pengarah, Setiausaha Syarikat) | <input type="checkbox"/> |
| 7. Carian rasmi terkini MyData SSM | <input type="checkbox"/> |
| 8. Laporan Kewangan Tahunan Yang Diaudit Bagi Syarikat Pemohon Atau Syarikat Bersekutu Bagi 3 Tahun Terkini Berturut-turut | <input type="checkbox"/> |
| 9. Penyata Akaun Bank serta Surat Sokongan Bank | <input type="checkbox"/> |
| 10. Surat Pengesahan "Bona Fide" daripada Kedutaan di Malaysia (bagi syarikat asing mengikut negara berkenaan) | <input type="checkbox"/> |
| 11. <i>Integrity Pact</i> – Surat Akuan Pembida (LAMPIRAN 4) | <input type="checkbox"/> |
| 12. <i>Integrity Pact</i> – Surat Akuan Kepentingan Perunding (sekiranya berkaitan) (LAMPIRAN 5) | <input type="checkbox"/> |

Kertas Cadangan Projek dan dokumen yang lengkap hendaklah dihantar ke alamat berikut:

MAJLIS DAERAH MACHANG
JALAN TOK KEMUNING,
18500 MACHANG, KELANTAN.
Tel : 09-9751076 samb. 1013/1018
Faks : 09-9751431
E-mel : mdm@kelantan.gov.my



MAJLIS DAERAH MACHANG

**CADANGAN PEMBANGUNAN TAPAK PASAR BESAR MACHANG MUKIM BANDAR
MACHANG, JAJAHAN MACHANG, KELANTAN.**

COMPANY PROFILE FORM

1. Name of Company : _____
2. Registration Number : _____
3. Year of incorporation : _____
4. Nature of Business : _____
5. Company Address
5.1 Head Office : _____
5.2 Branch Office : _____
6. Contact Number
6.1 Telephone Number : _____
6.2 Fax Number : _____
6.3 E-mail Address : _____



MAJLIS DAERAH MACHANG

[NO.RFP: KN/RFP/01/2024 - ()]

CADANGAN PEMBANGUNAN TAPAK PASAR BESAR MACHANG MUKIM BANDAR MACHANG, JAJAHAN MACHANG, KELANTAN.

7. Company Capital Structure (Please fill up where applicable)

7.1 Sole Proprietorship/Partnership: RM _____

7.2 Private Limited / Public Limited:

a. Authorised Capital : RM _____

b. Paid-in Capital : RM _____

8. Type and Details of Company Ownership

8.1 Sole Proprietorship :

a. Name of Owner : _____

b. I/C Number : _____

8.2 Partnership :

NAME OF PARTNER	I/C NUMBER	PARTNERSHIP PERCENTAGE

(Please use a separate sheet for the list, if necessary)

8.3 Private Limited / Public Limited :

NAME OF SHAREHOLDER	I/C NUMBER	ISSUED SHARE

(Please use a separate sheet for the list, if necessary)



MAJLIS DAERAH MACHANG

CADANGAN PEMBANGUNAN TAPAK PASAR BESAR MACHANG MUKIM BANDAR MACHANG, JAJAHAN MACHANG, KELANTAN.

9. List of Board of Directors

NAME	I/C NUMBER

(Please use a separate sheet for the list, if necessary)

10. Top Management Information

NAME	POSITION	DATE JOINED

(Please use a separate sheet for the list, if necessary)

11. Number of Employees

11.1 Local : _____ employees

11.2 Foreign : _____ employees



MAJLIS DAERAH MACHANG

CADANGAN PEMBANGUNAN TAPAK PASAR BESAR MACHANG MUKIM BANDAR MACHANG,
JAJAHAN MACHANG, KELANTAN.

COMPANY DECLARATION FORM

I hereby declare to the best of my knowledge that all information furnished in this proposal is correct.

Signature : _____

Name : _____

Position : _____

Date : _____

Company Stamp : _____

Signature of Witness: _____

Name : _____

Position : _____

Date : _____



MAJLIS DAERAH MACHANG

CADANGAN PEMBANGUNAN TAPAK PASAR BESAR MACHANG MUKIM BANDAR MACHANG, JAJAHAN MACHANG, KELANTAN.

SURAT AKUAN PEMBIDA

Saya,

No.Kad Pengenalanyang mewakili Syarikat

.....

No. Pendaftaran dengan ini mengisytiharkan bahawa saya atau mana-mana individu dalam tidak akan menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam atau mana-mana individu lain, sebagai sogokan untuk dipilih dalam tender/sebut harga* seperti di atas. Bersama ini dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa bagi saya mewakili syarikat seperti tercatat di atas untuk membuat pengisytiharan ini.

2. Sekiranya saya, atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati cuba menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam..... atau mana-mana individu lain sebagai sogokan untuk dipilih dalam tender/sebut harga* seperti di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan-tindakan berikut diambil:

- 2.1 Penarikan balik tawaran kontrak bagi tender/sebut harga* di atas; atau
- 2.2 Penamatan kontrak bagi tender/sebut harga* di atas; dan
- 2.3 Lain-lain tindakan tatatertib mengikut peraturan perolehan Kerajaan yang berkuatkuasa.

3. Sekiranya terdapat mana-mana individu cuba meminta rasuah daripada saya atau mana-mana individu yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai sogokan untuk dipilih dalam tender/sebut harga* seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada Pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran.

Yang benar,

.....

()

Cop Syarikat

Catatan: i) Potong mana yang tidak berkaitan
ii) Surat akuan ini hendaklah dikemukakan bersama Surat Perwakilan Kuasa/ Pengesahan sebagai wakil syarikat



MAJLIS DAERAH MACHANG

CADANGAN PEMBANGUNAN TAPAK PASAR BESAR MACHANG MUKIM BANDAR
MACHANG, JAJAHAN MACHANG, KELANTAN.

SURAT AKUAN KEPENTINGAN PERUNDING

(Disertakan Bersama Cadangan Perunding)

Saya,
No.Kad Pengenalan.....selaku pemilik Syarikat
.....
dengan No.pendaftaran dengan ini mengisytiharkan
bahawa saya atau mana-mana individu dalam tidak akan menawar atau memberi rasuah kepada
mana-mana individu dalam atau mana-mana
individu lain, sebagai sogokan atau mana-mana individu lain, sebagai sogokan untuk
mendapatkan perolehan ini.

2. Sekiranya didapati ada sebarang percubaan rasuah daripada mana-mana pihak, saya akan
membuat aduan dengan segera ke Pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)
atau balai polis yang berhampiran. Saya sedar bahawa kegagalan saya berbuat demikian adalah
satu kesalahan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah 2009
[Akta 694].

Yang benar,

.....

Nama :

No.Kad Pengenalan :

Tarikh :

Cop Syarikat :

Catatan : Surat akuan ini hendaklah dikemukakan bersama Surat Niat



MAJLIS DAERAH MACHANG

**CADANGAN PEMBANGUNAN TAPAK PASAR BESAR MACHANG MUKIM BANDAR MACHANG,
JAJAHAN MACHANG, KELANTAN**

KLAUSA PENCEGAHAN RASUAH DALAM DOKUMEN PEROLEHAN KERAJAAN

“Termination on Corruption, Unlawful or Illegal Activities”

- a) *Without prejudice to any other rights of the Government, if the [Company/Firm], its personnel, servants or employees is convicted by a court of law for corruption or unlawful or illegal activities in relation to this [Agreement/Contract] or any other agreement that the [Company/Firm] may have with the Government, the Government shall be entitled to terminate this [Agreement/Contract] at any time, by giving immediate written notice to that effect to the [Company/Firm].*
- b) *Upon such termination, the Government shall be entitled to all losses, costs, damages and expenses (including any incidental costs and expenses) incurred by the Government arising from such termination.*
- c) *For the avoidance of doubt, the Parties hereby agree that the [Company/Firm] shall not be entitled to any form of lossess including loss of profit, damages, claims or whatsoever upon termination of this [Agreement/Contact].*